



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

Assalamualaikum wbt dan Salam Sejahtera,

YB Menteri/ YB Timbalan Menteri /YBhg. Datuk Dr./ YBhg. Datuk /YBhg. Dato'/YBr.
Dr./Tuan/Puan, pemantauan media KPWKM pada 24 September 2024.

**Disediakan oleh,
Unit Komunikasi Korporat
Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat**

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
1.	Misi Kembara KASIH KPWKM Di Sarawak Tercapai, 12,000 Penduduk Terima Manfaat https://www.tvsarawak.my/2024/09/24/misi-kembara-kasih-kpwkm-di-sarawak-tercapai-12000-penduduk-terima-manfaat/	TV Sarawak	Neutral
2.	KPWKM Komited Perkukuh Kedudukan Wanita Melalui Pelbagai Inisiatif, Program https://www.utusanborneo.com.my/2024/09/23/kpwkm-komited-perkukuh-kedudukan-wanita-melalui-pelbagai-inisiatif-program https://cforum1.cari.com.my/portal.php?mod=view&aid=229909#google_vignette	Utusan Borneo cforum	Neutral
3.	GISBH: JKM Buka 11 Rumah Selamat Untuk 572 Mangsa Kanak-Kanak https://www.sinarharian.com.my/article/687175/berita/semasa/gisbh-jkm-buka-11-rumah-selamat-untuk-572-mangsa-kanak-kanak https://www.astroawani.com/berita-malaysia/op-global-ada-ahli-gisb-punyai-lebih-30-anak-nama-zuriat-sendiri-pun-mungkin-tak-tahu-kpn-488982	Sinar Harian Astro Awani	Neutral

<p>4.</p>	<p>7,958 Mangsa Banjir Berada Di 37 PPS Di Kedah Setakat Pagi Ini</p> <p>https://www.malaysiakini.com/news/720142</p> <p>https://selangorkini.my/2024/09/hampir-8000-mangsa-bah-di-kedah-masih-berlindung-di-37-pps/</p> <p>https://www.sinarharian.com.my/article/687166/edisi/utara/7250-mangsa-banjir-masih-berlindung-di-35-pps-di-kedah</p> <p>https://www.bernama.com/en/news.php?id=2343182</p> <p>https://www.malaysiakini.com/news/720215</p> <p>https://www.bharian.com.my/amp/berita/nasional/2024/09/1301912/banjir-di-kedah-mula-surut-bilangan-mangsa-berkurangan</p>	<p>Malaysia Kini</p> <p>Selangor Kini</p> <p>Sinar Harian</p> <p>Bernamea</p> <p>Malaysia Kini</p> <p>Berita Harian</p>	<p>Neutral</p>
<p>5.</p>	<p>Polis Mohon Bantuan Kesan Wanita Orang Asli Hilang Sejak Jumaat</p> <p>https://berita.rtm.gov.my/nasional/senarai-berita-nasional/senarai-artikel/polis-mohon-bantuan-kesan-wanita-orang-asli-hilang-sejak-jumaat</p> <p>https://www.utusan.com.my/nasional/2024/09/wanita-orang-asli-hidap-sawan-hilang-lepas-keluar-rumah-4-hari-lalu/</p> <p>https://www.astroawani.com/videos/video-terkini-x7sio1/wanita-orang-asli-dilaporkan-hilang-sejak-jumaat-x964ee4</p> <p>https://www.sinarharian.com.my/article/687117/berita/semasa/wanita-orang-asli-pos-pasik-hilang-sejak-jumaat</p> <p>https://www.youtube.com/watch?v=nv2fBHjUaOY</p>	<p>Berita RTM</p> <p>Utusan</p> <p>Astro Awani</p> <p>Sinar Harian</p> <p>Astro Awani</p>	<p>Neutral</p>
<p>6.</p>	<p>Bomba Selamatkan Lelaki Warga Emas Terperangkap Dalam Kebakaran</p>		<p>Neutral</p>

	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/09/1136714/bomba-selamatkan-lelaki-warga-emas-terperangkap-dalam-kebakaran	Harian Metro	
7.	<p>Warga Emas Maut Selepas 10 Jam Tersepit Dalam Lori Simen</p> <p>https://www.buletintv3.my/nasional/warga-emas-maut-selepas-10-jam-tersepit-dalam-lori-simen/</p> <p>https://www.astroawani.com/videos/video-terkini-x7sio1/warga-emas-maut-lori-simen-terbabas-masuk-gaung-x962xlw</p> <p>https://malaysiagazette.com/2024/09/23/warga-emas-mati-tertimbus-dalam-tanah-mgflash/#google_vignette</p> <p>https://www.sinarharian.com.my/article/687131/berita/semasa-mayat-warga-emas-tertimbus-berjaya-dikeluarkan-selepas-10-jam</p> <p>https://www.youtube.com/watch?v=5u5q2PCTWyw</p> <p>https://www.astroawani.com/video/search?q=warga-emas-maut-lori-simen-terbabas-masuk-gaung</p> <p>https://mediapermata.com.bn/warga-emas-maut-lori-tangki-simen-masuk-gaung/</p> <p>https://sabahnnewsday.net/warga-emas-maut-lori-terbabas-ke-gaung/</p> <p>https://www.utusanborneo.com.my/2024/09/23/warga-emas-maut-lori-terbabas-masuk-gaung</p>	<p>Buletin TV3</p> <p>Astro Awani</p> <p>Malaysia Gazette</p> <p>Sinar Harian</p> <p>Malaysia Gazette</p> <p>Astro Awani</p> <p>Media Permata</p> <p>Sabah News Today</p> <p>Utusan Borneo</p>	Neutral
8.	<p>Pekebun Sawit Rugi RM290,000 Ditipu 'Pegawai SKMM', 'Polis'</p> <p>https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/09/1137073/pekebun-sawit-rugi-rm290000-ditipu-pegawai-skmm-polis#google_vignette</p>	Harian Metro	Neutral

9	Umur 73 tahun masih gagah jahit telekung https://www.kosmo.com.my/2024/09/24/umur-73-tahun-masih-gagah-jahit-telekung/#google_vignette	Kosmo	Neutral
10	OKU buktikan mereka boleh https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/09/1136921/oku-buktikan-mereka-boleh	Harian Metro	Neutral
11	UTM Hasilkan Lebih 500 Buku Braille, Bantu Perluas Ilmu OKU Penglihatan https://www.utusan.com.my/berita/2024/09/utm-hasilkan-lebih-500-buku-braille-bantu-perluas-ilmu-oku-penglihatan/#google_vignette https://www.kosmo.com.my/2024/09/23/utm-hasilkan-lebih-500-buku-braille-bantu-perluas-ilmu-kepada-oku-penglihatan/	Utusan Kosmo	Neutral
12	Ilah Buang Stigma OKU Lemah https://www.buletintv3.my/nasional/ilah-buang-stigma-oku-lemah/#google_vignette	Buletin TV3	Neutral

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

MISI KEMBARA KASIH KPWKM DI SARAWAK TERCAPAI, 12,000 PENDUDUK TERIMA MANFAAT

KUCHING, 24 Sept: Kembara KASIH Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) 2024 yang berlangsung selama lapan hari bermula 14 hingga 21 September lepas di Sarawak telah memberi impak positif kepada masyarakat di setiap daerah yang dilalui oleh konvoi.

Kembara yang diketuai oleh menteri di KPWKM Datuk Seri Nancy Shukri itu melalui lapan daerah iaitu Kuching, Sibu, Kapit, Bintulu, Sibuti, Miri, Limbang dan Lawas.

Nancy ketika berucap pada majlis penutup kembara itu di Taman Awam Lawas memaklumkan seramai 12,000 rakyat telah mendapat manfaat secara langsung daripada kembara tersebut.

Katanya, jumlah ini termasuk yang hadir dan menyertai aktiviti atau mendapatkan perkhidmatan yang disediakan melalui pelbagai kaunter yang dibuka di lokasi persinggahan dengan 27 aktiviti berjaya dilaksanakan.

Bas yang dijadikan sebagai kaunter Pusat Sokongan Sosial Setempat (PSSS) Bergerak yang menyertai konvoi dari Kuching sehingga ke Lawas. Foto: Febbright James

“Program Saringan Kanser Serviks HPV DNA dan Ujian Mammogram yang dianjurkan oleh Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) berjaya menarik lebih 530 individu untuk mendapatkan perkhidmatan.

“Pencapaian ini merupakan satu kejayaan, kerana salah satu matlamat utama program kembara di Sarawak adalah untuk meningkatkan penyertaan, memandangkan jumlah peserta sebelum ini masih rendah.

“Kembara KASIH KPWKM ini juga melakar sejarah apabila Pusat Sokongan Sosial Setempat (PSSS) Bergerak dan aplikasi my-PSSS yang pertama di Sarawak telah dilancarkan,” katanya.

Katanya, PSSS Bergerak dan my-PSSS dapat memanfaatkan lebih ramai masyarakat di Sarawak terutama di kawasan luar bandar terutama golongan wanita, kanak-kanak, keluarga, warga emas dan orang kurang upaya (OKU) untuk mendapatkan perkhidmatan sosial yang holistik di satu tempat dan menekankan kepada pendekatan whole of society dan whole of government.

Datuk Seri Nancy Shukri menyaksikan Majlis Menandatangani Perjanjian di antara Yayasan Kebajikan Negara dan Bintulu Port Holdings Berhad bagi penubuhan Anjung Kasih di Hospital Bintulu. Foto: Febbright James

Ujar Nancy, menerusi kembara ini juga, penubuhan Anjung Kasih di Hospital Bintulu turut direalisasikan dengan termeterainya perjanjian antara Yayasan Kebajikan Negara dan Bintulu Port Holdings dengan nilai tajaan berjumlah RM1 juta.

Anjung Kasih Hospital Bintulu menjadi yang pertama di Sarawak mendapat tajaan sepenuhnya daripada pihak swasta.

Dalam pada itu, Kembara KASIH juga berkesempatan menziarahi dan menyampaikan bantuan kepada klien-klien Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) dan LPPKN yang berada di sekitar kawasan laluan konvoi.

Rombongan konvoi berkesempatan menziarahi Zanaida Zaini yang merupakan salah seorang penerima Bantuan Warga Emas (RM500) daripada JKM. Foto: Mohammad Raffiq

KPWKM turut menyalurkan sumbangan RM1,000 kepada enam masjid yang menjadi lokasi persinggahan peserta konvoi untuk menunaikan solat.

Program lain yang turut diadakan sepanjang kembara termasuk Program Ramah Mesra KPWKM bersama pelatih Pusat Agape Sibui, Program Ramah Mesra KPWKM di Pusat Warga Emas (PAWE) di Song Kapit dan PAWE Limbang.

Penduduk mendapat manfaat

Sementara itu majoriti penduduk memaklumkan menerusi program-program yang dianjurkan sepanjang kembara memberikan mereka kesedaran dan maklumat terperinci mengenai inisiatif yang dilaksanakan oleh KPWKM menerusi agensi di bawahnya.

Aktiviti yang diadakan termasuk Program Wanita Dinamik yang berjaya memberi manfaat secara langsung kepada 1,000 wanita di Sarawak dengan pemberian bantuan secara one-off berjumlah RM500 seorang.

Datuk Seri Nancy Shukri bersama-sama penerima bantuan kewangan RM500 di bawah Program Wanita Dinamik di Bekenu. Foto: FebrighT James
Seorang penerima bantuan Program Wanita Dinamik di Beluru, Rosiah Hasli, 52, yang merupakan seorang peniaga kuih muih kecil-kecilan berkata bantuan itu berupaya membantunya mengembangkan perniagaan.

“Saya dapat membeli perkakas untuk membuat kuih muih saya.

“Saya sangat berpuas hati dengan bantuan RM500 kerana dapat membantu keluarga sebab anak-anak masih melanjutkan pelajaran, dapatlah menampung keperluan keluarga,” katanya.

Sementara itu Timbalan Premier Sarawak, Datuk Amar Awang Tengah Ali Hasan memuji usaha KPWKM yang mewujudkan Program Wanita Dinamik yang disifatkan berbeza dengan program bantuan dan sokongan sebelum ini.

Katanya, kebanyakan program bantuan diberikan kepada perniagaan individu atau syarikat yang berdaftar namun berbeza dengan Program Wanita Dinamik yang memberikan kepada ketua isi rumah yang mahu menjalankan perniagaan secara kecil-kecilan di rumah.

Program Outreach Advokasi Antigangguan

Seksual turut menjadi antara program yang diadakan di beberapa tempat persinggahan konvoi kembara. Foto: FebrighT James.

Selain itu, program lain yang diadakan termasuk saringan kanser serviks HPV DNA dan ujian mammogram secara percuma oleh LPPKN.

Program ini berjaya menarik lebih daripada 530 individu untuk mendapatkan perkhidmatan ini sepanjang kembara dengan matlamat untuk meningkatkan penyertaan, memandangkan jumlah peserta sebelum ini masih rendah.

Juliana Jimbun, 35, merupakan salah seorang pengunjung Program Kasih Keluarga Ceria di Dewan Masyarakat Melayu Kapit berkata, program saringan kesihatan itu wajar dianjurkan untuk memberi kesedaran kepada komuniti khususnya golongan wanita untuk membuat pemeriksaan kesihatan.

Suayah Mohamad Amin (kiri), Juliana Jimbun (tengah), Rosiah Hasli (kanan). Foto: Febbright James.

“Program ini sangat bagus diadakan di luar bandar bagi memastikan anak-anak dan ibu bapa memahami tentang anti gangguan seksual terutamanya melibatkan bahagian yang boleh disentuh dan sebaliknya.

“Selain itu, program ini juga berupaya memberi kesedaran tentang kanser serviks untuk pengesanan dan pencegahan awal,” ujarnya.

Sementara itu, seorang suri rumah, Suayah Mohamad Amin meluahkan rasa syukur dengan kewujudan Klinik Nur Sejahtera yang merupakan inisiatif LPPKN kerana memberikan peluang kepadanya menjalani ujian mamogram.

Katanya, usaha itu membolehkan dirinya mengesan bahawa beliau menghidap kanser payudara dan kini sedang mendapatkan rawatan.

“Di Klinik Nur Sejahtera, mereka beri rawatan secara percuma. Saya menasihatkan wanita di luar sana agar turut membuat pemeriksaan seperti yang disarankan oleh doktor bagi mengesan awal sebarang penyakit,” katanya.

Program ‘outreach’ bantu masyarakat cakna inisiatif, bantuan KPWKM

Sementara itu, Ketua Pengarah LPPKN Abdul Shukur Abdullah memaklumkan program ‘outreach’ dan advokasi yang diadakan sepanjang Kembara KASIH berupaya membantu masyarakat memahami dan cakna akan inisiatif dan bantuan yang disediakan oleh agensi di bawah KPWKM.

Katanya, program outreach mendapat sambutan baik penduduk setempat khususnya di kawasan pedalaman.

Ketua Pengarah Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN), Abdul Shukur Abdullah. Foto: Febbright James

“Melalui program ini, pemimpin masyarakat dan ketua-ketua kaum dan pemancha dapat mengetahui program-program LPPKN selaku agensi di bawah KPWKM kerana sebelum ini agak terbatas untuk mereka pergi ke pejabat-pejabat kami yang hanya beroperasi di beberapa lokasi tertentu sahaja.

“Untuk kembara ini, kita bahagikan kepada tiga perkara iaitu kita bawakan perkhidmatan ke tempat mereka (komuniti setempat) di luar bandar dan kita keduanya kita adakan program advokasi tentang peranan LPPKN dan perkhidmatan yang ada.

“Ketiga, kita war-warkan inisiatif dan tawaran percuma yang diberikan oleh LPPKN secara percuma seperti ujian saringan mammogram DAN saringan ujian HPV DNA,” katanya.

Ujar beliau, masih terdapat golongan sasaran khususnya wanita masih belum tahu mengenai perkhidmatan yang disediakan LPPKN secara percuma kepada mereka.

Misalnya, menurut beliau masih ada golongan wanita yang belum menjalani saringan kanser serviks atau ujian HPV DNA.

“Saya menyantuni beberapa wanita di luar bandar dan mereka memaklumkan sepanjang hidup tidak pernah menjalani saringan kanser serviks sedangkan mereka mempunyai anak yang ramai.

“Jadi menerusi program kembara ini, kita berasa gembira kerana dapat memperkenalkan perkhidmatan yang kita ada kepada mereka,” katanya.

Kembara KASIH KPWKM ini disertai 40 buah kenderaan dan empat aset perkhidmatan bergerak.-TVS.

KPWKM KOMITED PERKUKUH KEDUDUKAN WANITA MELALUI PELBAGAI INISIATIF, PROGRAM

KUALA LUMPUR: Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat komited untuk memperkukuh kedudukan wanita dalam masyarakat melalui pelbagai inisiatif yang menyeluruh serta berkesan.

Timbalan Menteri berkenaan Datuk Seri Dr Noraini Ahmad berkata antara inisiatif yang dijalankan ialah program latihan kemahiran, bantuan perniagaan dan sokongan psikososial.

Beliau berkata program latihan kemahiran dapat membantu wanita memperoleh pengetahuan dan kemahiran baharu serta menjadikan mereka lebih berdikari dan berdaya saing dalam pasaran kerja yang semakin mencabar.

"Bantuan perniagaan diberikan kepada wanita yang ingin menceburi bidang perniagaan serta keusahawanan sekali gus menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negara... di samping itu, sokongan psikososial yang disediakan adalah penting untuk memastikan kesejahteraan mental dan emosi wanita khususnya mereka yang sedang melalui masa-masa sukar.

"Kami berusaha untuk menyediakan persekitaran yang menyokong dan kondusif bagi semua wanita di mana mereka merasa dihargai, didengari dan diberi peluang yang sama rata," katanya ketika berucap pada Majlis Anugerah Wanita Ikon Malaysia 2024/2025 anjuran Kelab Wanita Ikon Malaysia (KWIM) di sini malam tadi.

Tengku Permaisuri Selangor Tengku Permaisuri Norashikin turut berkenan berangkat ke majlis itu.

Noraini berkata dengan sokongan padu dan berterusan, wanita di Malaysia akan dapat mencapai potensi penuh serta memainkan peranan lebih besar dan signifikan dalam pembangunan negara.

"Semua usaha ini adalah sebahagian daripada komitmen berterusan kami untuk memperkasakan wanita, meningkatkan kesejahteraan keluarga dan membina masyarakat yang lebih inklusif dan maju.

"Kami yakin dengan sokongan semua pihak, kita dapat merealisasikan visi ini dan memastikan wanita di Malaysia terus maju serta berjaya dalam semua aspek kehidupan," katanya sambil menambah kerjasama erat dengan badan bukan kerajaan seperti KWIM memainkan peranan penting dalam menyokong dasar kerajaan, menyediakan platform serta peluang untuk wanita membina kemahiran dan potensi diri.

Pada majlis itu, Pengarah Eksekutif merangkap Ketua Kelestarian dan Advokasi Khazanah Nasional Datuk Shahira Ahmed Bazari dinobatkan sebagai Tokoh Wanita Ikon Malaysia 2024/2025 manakala Anugerah Wanita Ikon Waja dirangkul oleh Pemenang Ratu Cantik Mrs India Malaysia 2017 Maynicca Devi Rajamanikam.

Anugerah Ibu Ikon pula dimenangi oleh pelakon Rita Rudaini dan Pengasas LNM Wealth Advisory Dr J Lo. - BERNAMA

GISBH: JKM BUKA 11 RUMAH SELAMAT UNTUK 572 MANGSA KANAK-KANAK

KUALA LUMPUR - Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) membuka 11 rumah selamat untuk 572 mangsa kanak-kanak yang diselamatkan dalam Op Global setakat ini.

Ketua Polis Negara, Tan Sri Razarudin Husain berkata, kesemua mangsa itu telah menjalani saringan dengan Kementerian Kesihatan Malaysia dan akan diserahkan kepada JKM untuk ditempatkan di rumah selamat.

"Sebelum ini, JKM membuka empat rumah selamat, namun jumlah tersebut meningkat dengan 11 rumah selamat dibuka untuk 572 mangsa kanak-kanak," katanya ketika sidang akhbar di Pusat Latihan Polis (Pulapol) Kuala Lumpur di sini pada Isnin.

Razarudin berkata, Polis Diraja Malaysia (PDRM) turut berjaya menyelamatkan 187 mangsa termasuk 87 perempuan berusia lima hingga 18 tahun dalam Op Global fasa 4, pada Sabtu lalu.

"Kita menyelamatkan seramai 59 kanak-kanak berusia bawah lima tahun, 75 kanak-kanak berusia enam hingga 12 tahun, 40 orang berusia 13 hingga 17 tahun dan 13 individu berusia 18 tahun ke atas," katanya.

7,958 MANGSA BANJIR BERADA DI 37 PPS DI KEDAH SETAKAT PAGI INI

Seramai 7,958 mangsa banjir masih berada di 37 pusat pemindahan sementara (PPS) di Kedah, setakat 9 pagi tadi.

Menurut laporan Info Bencana Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), semua mereka yang terdiri daripada 2,567 keluarga, melibatkan penduduk di lima daerah di negeri itu.

Daerah Kota Setar merekodkan jumlah mangsa tertinggi iaitu 5,397 orang, diikuti Pendang (1,604), Kubang Pasu (619), Pokok Sena (219) dan Bandar Baharu (119).

Laman sesawang Public Infobanjir Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) pula memaklumkan, dua sungai masih berada pada paras bahaya iaitu Sungai Anak Bukit di Taman Aman dan Sungai Anak Bukit di Jambatan TAR, Kota Setar.

Di **PERAK**, Sekretariat Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri memaklumkan jumlah mangsa banjir kekal 29 orang daripada tujuh keluarga setakat 8 pagi tadi yang ditempatkan di PPS Sekolah Kebangsaan Changkat Lobak di daerah Kerian.

Jabatan Pengairan dan Saliran memaklumkan Sungai Perak di Pasang Api dalam daerah Bagan Datuk berada pada tahap amaran dengan paras air setinggi 2.22 meter (m), manakala Kolam Air Bukit Merah di Kerian masih pada tahap berjaga-jaga dengan paras air setinggi 9.01m.

Jabatan Meteorologi Malaysia (MetMalaysia) meramalkan ribut di kesemua daerah di Perak pada petang ini.

POLIS MOHON BANTUAN KESAN WANITA ORANG ASLI HILANG SEJAK JUMAAT



Mangsa dikenali sebagai Zuzina Abine berusia 32 tahun/

Foto: PDRM

GUA MUSANG, 23 September- Polis sedang mengesan seorang wanita Orang Asli dari Kampung Bring Lama, Pos Pasik di sini yang hilang sejak Jumaat lepas.

Ketua Polis Daerah Gua Musang, Supt Sik Choon Foo berkata mangsa dikenali sebagai Zuzina Abine berusia 32 tahun.

Beliau berkata pihaknya menerima laporan pada 11.15 pagi semalam daripada ahli keluarga mangsa.

"Ahli keluarga telah cuba mencari Zuzina di sekitar kawasan rumah namun gagal menemukan sebarang petunjuk selain turut meminta bantuan penduduk kampung.

"Zuzina berketinggian 152 sentimeter, berat 43 kilogram, tidak berkaca mata, berambut pendek dan kerinting, berkulit hitam manis, bentuk mata bulat, memiliki bibir tebal dan mempunyai kesan parut di bahagian betis sebelah kanan," katanya dalam kenyataan hari ini.

Sik memohon orang ramai yang mempunyai maklumat untuk menghubungi bilik gerakan Ibu Pejabat Polis Daerah Gua Musang di talian 09-9121222 atau mana-mana balai polis berdekatan.

Sementara itu, kakak kepada Zuzina iaitu Timah Ason, 37, berkata pada hari kejadian adiknya yang menghidap penyakit sawan keluar rumah pada 7 pagi tanpa disedari ahli keluarga serta kali terakhir dilihat memakai baju kemeja-T berwarna hitam dan berkain batik. - BERNAMA